



**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA
MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN, PEMBERITAHUAN
PERKAHWINAN DAN AKUAN BERKANUN/BERTULIS**

*Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
[Seksyen 14, 16, 21(1), 22(3), 26]*

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Kod Pejabat Pendaftaran/Kod Pendaftar

--	--	--	--	--	--	--	--

No. Permohonan

Tarikh Permohonan

--	--	--	--	--	--	--	--

Tarikh Perkahwinan

--	--	--	--	--	--	--	--

JENIS PERMOHONAN

- 01 Pemberitahuan Perkahwinan dan Akuan Bertulis
 -02 Permohonan Mengupacarakan Perkahwinan Mengikut Istiadat Ugama, Adat atau Kelaziman
 -03 Permohonan Bagi Suatu Lesen Perkahwinan tanpa Memerlukan Pemberitahuan Perkahwinan dan Perakuan untuk Perkahwinan
 -04 Pemberitahuan Perkahwinan dan Akuan Bertulis Bagi Pengupacaraan Di luar Negeri

JENIS LESEN DISERTAKAN

- 01 Borang JPN.KC01A -02 Borang JPN.KC01B -03 Borang JPN.KC01C
 -04 Borang JPN.KC01D -05 Borang JPN.KC01E

ARAHAN

- Sila isikan borang ini dengan menggunakan dakwat HITAM/BIRU.
- Sila gunakan "HURUF BESAR".
- Sila tandakan (✓) pada kotak-kotak bertanda (*).
- Potong mana-mana yang tidak berkenaan pada yang bertanda (**).
- Bahagian A, B dan C diisi oleh pemohon.

Peringatan untuk pemohon

- Seseorang yang memohon untuk berkahwin mestilah telah tinggal di sesuatu daerah perkahwinan tidak kurang daripada TUJUH HARI (Perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara sahaja).
- Jika kedua-dua pihak kepada perkahwinan tinggal DI SATU DAERAH PERKAHWINAN YANG SAMA maka mereka hendaklah mengisi dan menandatangani borang ini di hadapan Pendaftar Perkahwinan di daerah tersebut.
- Jika kedua-dua pihak kepada perkahwinan tinggal DI DAERAH PERKAHWINAN BERLAINAN maka tiap-tiap pihak dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini di hadapan Pendaftar Perkahwinan di daerah perkahwinan yang berkenaan di mana ia tinggal.
- UMUR MINIMUM BAGI LELAKI DAN PEREMPUAN IALAH 18 TAHUN. Perempuan berumur genap 16 tahun tetapi di bawah 18 tahun boleh juga berkahwin dengan syarat terlebih dahulu memperolehi lesen daripada Ketua Menteri.
- Seseorang yang belum genap umur 21 tahun adalah dikehendaki, sebelum berkahwin, mendapat persetujuan bertulis:
 - dari bapanya; atau
 - jika orang itu adalah tak sah taraf atau bapanya telah mati, dari ibunya atau
 - jika orang itu adalah seorang anak angkat, dari bapa angkatnya, atau jika bapa angkatnya telah mati, dari ibu angkatnya; atau
 - jika kedua-dua ibubapanya (ibubapa sebenar atau ibubapa angkat) telah mati, dari orang mengambil tempat ibubapanya sebelum ia mencapai umur itu; atau
 - dari mahkamah.
- Perakuan perlu dibuat di hadapan Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah oleh kedua-dua pasangan.
- Permohonan yang tidak memerlukan pemberitahuan perkahwinan atau perakuan untuk perkahwinan perlu mendapatkan lesen.

Perhatian

- Peringatan 1 hingga 5 digunakan untuk permohonan perkahwinan yang diuruskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan perwakilan Malaysia di luar negeri.
- Peringatan 4,5 dan 6 digunakan untuk permohonan perkahwinan diuruskan oleh Gereja/Kuil/Persatuan.
- Peringatan 4, 5, 6 dan 7 digunakan untuk permohonan perkahwinan yang diuruskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara dan Perwakilan Malaysia di Luar Negeri untuk perkahwinan tanpa memerlukan pemberitahuan perkahwinan dan perakuan untuk perkahwinan.

Kepada Pendaftar/Penolong Pendaftar Perkahwinan di
 Kami/Saya memohon/memberitahu mengenai perkahwinan yang dicadangkan di antara kami/saya seperti yang diperihal dalam borang ini.

(D.1) **AKUAN BAGI PERKAHWINAN DI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA atau KEDUTAAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

Kami/saya** dengan sesungguhnya mengaku bahawa

- (a) Kami/saya** telah tinggal dalam daerah perkahwinan _____ selama tempoh tujuh hari sebelum sahaja daripada pemberitahuan ini diberi;
- (b) (i) Kami/saya** pihak lelaki/perempuan** adalah berumur 21 tahun atau lebih;
atau
- (ii) Kami/saya** pihak lelaki/perempuan** adalah berumur di bawah 21 tahun dan seorang duda/balu/janda**;
atau
- (iii) Kami/saya** pihak lelaki/perempuan** adalah berumur di bawah 21 tahun dan belum berkahwin;
dan
persetujuan orang yang berkenaan untuk perkahwinan pihak lelaki/perempuan** menurut seksyen 12 telah diberi secara bertulis dan dilampirkan bersama-sama ini/tidak diperlukan**.
- (c) Pihak perempuan tidak berumur di bawah 16 tahun;
- (d) Tiada apa-apa rintangan yang sah terhadap perkahwinan ini; dan
- (e) Tiada seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan ini masih berkahwin di bawah sesuatu undang-undang, agama, adat atau kelaziman dengan seseorang yang lain daripada orang yang dicadang hendak dikahwini ini.

Segala butir-butir yang diberi dalam borang ini sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami/saya** adalah benar dan kami/saya** faham bahawa jika dalam permohonan ini kami/saya** membuat sesuatu kenyataan palsu, kami/saya** boleh apabila sabit kesalahan, dihukum penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau denda tidak lebih daripada tiga ribu ringgit ataupun kedua-dua di bawah seksyen 38, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Peceraian), 1976.

.....
Tandatangan Lelaki

.....
Tandatangan Perempuan

Dengan ini saya mengesahkan bahawa

- ** (a) Akuan di atas telah diterjemahkan dengan sepatutnya di hadapan saya oleh _____
(Nama Jurubahasa)
kepada yang membuat akuan ini dalam bahasa _____ yang difahami oleh yang membuat akuan ini.
- ** (b) Terjemahan di atas tidak dikehendaki.

.....
Tandatangan Jurubahasa

.....
Nama dan tandatangan Pendaftar Perkahwinan
dan Cop Rasmi

.....
Tarikh

.....
Tarikh

(D.2) **AKUAN BERKANUN BAGI PERKAHWINAN DI GEREJA/KUIL/PERSATUAN atau LESEN DI BAWAH SEKSYEN 21(1)

Kami/saya** dengan sesungguhnya mengaku bahawa

- (a) (i) Kami/saya** pihak lelaki/perempuan adalah berumur 21 tahun atau lebih;
atau
- (ii) Kami/saya** pihak lelaki/perempuan adalah berumur di bawah 21 tahun dan seorang duda/balu/janda**;
atau
- (iii) Kami/saya** pihak lelaki/perempuan adalah berumur di bawah 21 tahun dan belum berkahwin;
dan
persetujuan orang yang berkenaan untuk perkahwinan pihak lelaki/perempuan menurut seksyen 12 telah diberi secara bertulis dan dilampirkan bersama-sama ini/tidak diperlukan.
- (b) Pihak perempuan tidak berumur di bawah 16 tahun;
- (c) Tiada apa-apa rintangan yang sah terhadap perkahwinan ini; dan
- (d) Tiada seorang daripada pihak-pihak kepada perkahwinan ini masih berkahwin di bawah sesuatu undang-undang, agama, adat atau kelaziman dengan seseorang yang lain daripada orang yang dicadang hendak dikahwini ini.

Kami/saya** membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut dalam Borang ini adalah benar serta menurut peruntukan-peruntukan Akta Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas,

iaitu (1) _____

(1)
Tandatangan Lelaki

iaitu (2) _____

di _____

(2)
Tandatangan Perempuan

di dalam Negeri _____

pada _____ haribulan _____, _____

Di hadapan saya,

.....
Tandatangan Majistret/Pesuruhjaya Sumpah**
dan Cop Rasmi

